

LUM 2 OCT 2001

Bush hubungi Mahathir nyatakan penghargaan AS

KUALA LUMPUR 1 Okt. — Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush malam ini menghubungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menyatakan penghargaan kerajaannya terhadap sokongan Malaysia dalam memerangi keganasan.

Dalam perbualan telefon itu, Bush turut meminta pandangan Dr. Mahathir berhubung langkah yang sedang dirangka oleh negara itu bagi memerangi keganasan.

Pertemuan

Pegawai Kedutaan Malaysia di Washington ketika dihubungi malam ini mengesahkan Bush menghubungi Dr. Mahathir di kediamannya pada kira-kira pukul 7.50 malam.

Kedua-dua pemimpin itu dijangka akan mengadakan pertemuan dan berbincang mengenai ancaman penganas sewaktu menghadiri Persidangan Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Shanghai, bulan ini.

Dalam perbualan itu, Perdana Menteri turut mengambil kesempatan untuk menjelaskan kesan tragedi di New York terhadap ekonomi Malaysia.

Malaysia sangat mengambil berat terhadap keganasan kerana Malaysia juga mempunyai masalah keganasan dalam negara.